

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR**

**KENYATAAN MEDIA**

**DAKWAAN SALAH LAKU SEKSUAL DI SEKOLAH SEDANG DISIASAT  
PIHAK BERKUASA, JPN JOHOR TIDAK BERKOMPROMI TERHADAP  
SEBARANG PELANGGARAN PERATURAN BERKAITAN**

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor mengambil perhatian berkaitan isu salah laku seksual di sebuah sekolah di negeri ini seperti yang tular di media sosial.

Beberapa laporan polis telah dibuat termasuk dari pihak sekolah yang membawa kepada tahanan reman guru terbabit bagi membantu siasatan. JPN Johor menyeru pihak polis untuk menjalankan siasatan yang profesional dan menyeluruh berhubung kes ini supaya tindakan undang-undang boleh diambil jika dibuktikan bersalah. Sepanjang proses siasatan sedang berjalan, guru terbabit akan ditempatkan di Pejabat Pendidikan Daerah.

Pada masa sama, JPN Johor juga sedang berkerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memastikan murid yang menjadi mangsa dilindungi dan kesejahteraannya terpelihara.

JPN Johor tidak berkompromi terhadap sebarang salah laku seksual di semua institusi pendidikan bawah kelolaannya. Tindakan tegas akan diambil terhadap sesiapa sahaja yang didapati bersalah.

Orang ramai yang berhadapan dengan kes seumpama ini dinasihatkan untuk membuat laporan polis dan tidak menarik semula laporan tersebut supaya siasatan dan tindakan tegas dapat diambil oleh pihak berkuasa.

**TAMAT**

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR  
22 MEI 2026**